

TERMA DAN SYARAT Mortgage Top Up Campaign 2026

1. “Mortgage Top Up Campaign 2026” (“Kempen”) dianjurkan secara bersama oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran 197201001799 (13491-P)] dan CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran 200401032872 (671380-H)] (secara kolektif dirujuk sebagai “CIMB”)

Tempoh Kempen

2. Kempen ini akan berlangsung dari **15 April 2026 hingga 31 Disember 2026**, kedua-dua tarikh adalah termasuk (“Tempoh Kempen”).
Penghantaran Permohonan Pinjaman/Pembiayaan: Permohonan hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada 30 November 2026
Penerimaan Pinjaman/Pembiayaan: Pinjaman/Pembiayaan mesti diterima (LO ditandatangani) selewat-lewatnya pada 31 Disember 2026
3. CIMB berhak, dengan memberikan notis sekurang-kurangnya empat belas (14) hari kalendar, untuk mengubah tempoh Kempen dan/atau tarikh mula dan/atau tarikh tamat Kempen.

Tawaran Kempen

4. Di bawah Kempen ini, Bank akan menanggung yuran penilaian bagi pelanggan yang layak, tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini.
5. Kempen ini dihadkan kepada maksimum 200 kes sepanjang Tempoh Kempen. Setelah had tersebut dicapai, Kempen akan ditamatkan.
6. Sekiranya pelanggan yang layak membatalkan pinjaman/pembiayaan tersebut, yuran penilaian hendaklah ditanggung oleh pelanggan.

Kelayakan

7. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan sedia ada CIMB yang memenuhi syarat berikut (selepas ini dirujuk sebagai “Pelanggan Layak”):
 - a. Individu berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas; dan
 - b. Individu yang layak untuk membuat tambahan (top up) ke atas pinjaman / pembiayaan perumahan sedia ada mereka dengan CIMB; **atau** Individu yang telah menerima SMS daripada CIMB berhubung kelayakan mereka untuk membuat tambahan pinjaman / pembiayaan perumahan dengan CIMB.

8. Kempen ini terbuka kepada pelanggan yang memenuhi kriteria Kelayakan dan boleh disertai melalui:
 - a. Penyertaan Terbuka; atau
 - b. Jemputan (pelanggan terpilih).
9. “Pelanggan Layak Terbuka” bermaksud pelanggan yang memenuhi kriteria kelayakan asas dan menyertai Kempen melalui saluran awam. Permohonan hendaklah dihantar melalui Saluran Jualan Gadai Janji.
10. “Pelanggan Terpilih” bermaksud pelanggan yang dikenal pasti secara khusus dan dihubungi oleh Bank untuk menyertai Kempen ini.

Mekanisme Kempen (untuk pelanggan terpilih)

11. Pelanggan terpilih yang layak akan menerima SMS daripada nombor telefon berdaftar CIMB untuk membuat tambahan ke atas pinjaman / pembiayaan perumahan sedia ada mereka dengan CIMB.
12. Pelanggan yang berminat akan dihubungi oleh CIMB melalui panggilan telefon ke nombor telefon bimbit mereka seperti yang direkodkan dalam rekod CIMB dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh balasan SMS.
13. Penentuan CIMB sama ada seseorang pelanggan layak untuk Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif serta tidak boleh dicabar dalam apa jua cara sekalipun.
14. Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan Layak untuk memastikan alamat rumah, nombor telefon bimbit dan alamat e-mel mereka adalah terkini dan dikemas kini dalam rekod CIMB sekiranya terdapat sebarang perubahan. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian berbangkit) yang dialami akibat kegagalan Pelanggan Layak menerima komunikasi daripada CIMB disebabkan maklumat yang tidak dikemas kini atau tidak betul.

Terma dan Syarat Am

15. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa mereka:
 - a. telah membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
 - b. telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma dan Syarat ini;
 - c. mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang menjejaskan kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya;
 - d. bersetuju untuk CIMB memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta mana-mana data peribadi individu lain yang dikongsi dengan CIMB mengikut Notis

Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;

e. bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berhubung Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan

f. bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab sekiranya CIMB gagal melaksanakan, sama ada sebahagian atau sepenuhnya, obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini akibat secara langsung atau tidak langsung daripada:

i. kegagalan sebarang peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian transmisi;

ii. kegagalan bekalan elektrik;

iii. pertikaian industri, peperangan, mogok atau rusuhan;

iv. sebarang kejadian di luar kawalan munasabah CIMB; atau

v. sebarang faktor lain di luar kawalan munasabah CIMB.

16. Pelanggan Layak akan dibatalkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini sepanjang Tempoh Kempen sekiranya:

a. Pelanggan Layak melanggar terma dan syarat yang mengawal selia pinjaman / pembiayaan perumahan sedia ada mereka; atau

b. Akaun pinjaman / pembiayaan perumahan sedia ada ditamatkan, ditutup, tertunggak, atau tertakluk kepada sebarang penyitaan atau perintah mahkamah atau pihak berkuasa; atau

c. Pelanggan Layak tertakluk kepada sebarang sekatan, peraturan, embargo atau langkah sekatan yang ditadbir, digubal atau dikuatkuasakan oleh mana-mana pihak berkuasa.

17. CIMB berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang didapati oleh CIMB sebagai:

a. memanipulasi proses penyertaan / permohonan; dan/atau

b. bertindak melanggar Terma dan Syarat ini.

18. CIMB berhak untuk melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis empat belas (14) hari kalendar terlebih dahulu melalui:

i. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau

ii. notis di cawangan CIMB; dan/atau

iii. apa-apa kaedah pemberitahuan lain yang dipilih oleh CIMB.

Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang dialami oleh Pelanggan Layak akibat secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penggantungan, pemendekan atau lanjutan Kempen.

19. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kos atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau goodwill, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:

- a. penyertaan atau ketidakpenyertaan Pelanggan Layak dalam Kempen; dan/atau
- b. kegagalan menerima atau kelewatan menerima SMS atau eDM,

melainkan kerugian tersebut berpunca secara langsung daripada kecuaiian serius atau keingkaran sengaja oleh CIMB.

20. a) CIMB berhak untuk meminda, menambah, memadam atau mengubah mana-mana Terma dan Syarat ini ("Pindaan") dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu melalui:
 - i. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - ii. notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - iii. iklan di satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
 - iv. kaedah pemberitahuan lain yang dipilih oleh CIMB.b) Pindaan tersebut akan mengikat Pelanggan Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam notis tersebut.
c) Sekiranya pindaan diperlukan oleh undang-undang atau peraturan, arahan, notis atau garis panduan, ia akan berkuat kuasa selaras dengan undang-undang atau peraturan tersebut dan CIMB akan memaklumkan Pelanggan Layak secepat mungkin.
d) Pelanggan Layak bersetuju untuk menyemak laman web CIMB secara berkala bagi memastikan mereka sentiasa dikemas kini dengan sebarang perubahan Terma dan Syarat ini.
21. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kos atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan Layak akibat secara langsung atau tidak langsung daripada sebarang Pindaan.
22. Pelanggan Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB dilindungi daripada sebarang fi, kos, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
 - a) penyertaan Pelanggan Layak dalam Kempen;
 - b) penerimaan, penebusan atau penggunaan hadiah; dan/atau
 - c) pelanggaran atau kegagalan mematuhi Terma dan Syarat ini
23. Terma dan Syarat ini:
 - a. mengatasi sebarang peruntukan atau representasi dalam bahan promosi lain berkaitan Kempen; dan
 - b. hendaklah dibaca bersama terma dan syarat semasa Akaun Penyertaan yang terpakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.Terma dan Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia serta peraturan, garis panduan dan arahan Bank Negara Malaysia dan badan kawal selia berkaitan yang terpakai kepada CIMB.

24. Terma dan Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia serta peraturan, garis panduan dan arahan Bank Negara Malaysia dan badan kawal selia berkaitan yang terpakai kepada CIMB.
25. Sekiranya CIMB tidak melaksanakan mana-mana hak di bawah Terma dan Syarat ini, ia tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau hak lain pada masa hadapan.
26. a) Pelanggan Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB (“CRU”) untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkaitan Kempen ini melalui:
- Alamat:** P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
Telefon: +603 6204 7788
E-mel: contactus@cimb.com
- b) CIMB boleh mengubah maklumat hubungan di atas dengan memaklumkan kepada Pelanggan Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau kaedah lain yang dipilih oleh CIMB.

-Tamat-